



KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA INDUSTRI GETAH SABAH

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah (salah seorang ibu atau bapa, warganegara Malaysia yang lahir di Sabah)** yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan di lembaga Industri Getah Sabah seperti berikut:-

Nama Jawatan	:	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA5
Klasifikasi Perkhidmatan	:	SISTEM MAKLUMAT
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Taraf Jawatan	:	KONTRAK
Bilangan Kekosongan	:	1 JAWATAN
Tempat Kekosongan	:	KOTA KINABALU
Jadual Gaji	:	GRED FA5: RM1,650.00 – RM6,620.00
Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM145.00

1.0 SYARAT LANITKAN

(a) Memiliki kelayakan berikut:

- (i) Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau
- (ii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau
- (iii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau
- (iv) Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00).

(b) Bagi Skim Perkhidmatan calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.0 KRITERIA SPESIFIK

- (a) Pengalaman dan Kemahiran Teknikal (WAJIB)
 - (i) Pengalaman minimum 1–3 tahun dalam pembangunan dan penyelenggaraan laman web.
 - (ii) Mahir: HTML5, CSS3, JavaScript, PHP / MySQL, Bootstrap / Tailwind
 - (iii) Web Framework: Angular, Yii dan setara
 - (iv) Pengurusan domain, FTP, hosting, cPanel
- (b) Pengalaman dan Kemahiran Teknikal (DIUTAMAKAN)
 - (i) Custom script/API, UI/UX design, SEO asas
 - (ii) Laporan web (Google Analytics/Matomo)
 - (iii) Guna Git/GitHub
- (c) Kemahiran Lain
 - (i) Perisian grafik: Adobe Photoshop / Illustrator / Canva dan yang setara
 - (ii) Pengurusan kandungan dan suntingan teks
 - (iii) Komunikasi baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- (d) Ciri Peribadi yang Diperlukan
 - (i) Proaktif, boleh bekerja tanpa pengawasan
 - (ii) Urus masa & keutamaan dengan baik
 - (iii) Bersedia kerja luar waktu pejabat (jika perlu)
 - (iv) Pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah

3.0 TANGGUNGJAWAB UTAMA

- (a) Membangun dan menyelenggara laman web rasmi organisasi.
- (b) Reka bentuk grafik dan kandungan digital.
- (c) Menyemak prestasi dan keselamatan laman web.
- (d) Urus kandungan seperti pengumuman dan berita.
- (e) Pastikan pematuhan kepada garis panduan digital kerajaan.
- (f) Sediakan laporan trafik web.
- (g) Sokong jabatan lain dari aspek digital/web.
- (h) Menyokong projek ICT berkaitan pembangunan web.
- (i) Membuat manual pengguna sistem.

CARA MEMOHON

1. Pemohonan hendaklah dibuat secara ONLINE SAHAJA di alamat
<https://apps.ligs.gov.my/jawatankosong>
2. Calon-calon yang mendaftar buat kali pertama secara ONLINE hendaklah memastikan maklumat diisi dengan lengkap. Permohonan yang dikemukakan hendaklah bersesuaian dengan kelayakan akademik seperti yang diiklankan di dashboard calon.
3. Hanya calon - calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
4. Pemohon-pemohon yang tidak mendapat sebarang jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
5. Salinan Sijil - Sijil Asal (sijil lahir dan kad pengenalan pemohon dan kedua ibu bapa [sijil mati jika berkaitan] / sijil-sijil akademik dan dokumen - dokumen lain yang berkaitan dan disyaratkan dalam iklan ini HANYA perlu dibawa apabila anda Berjaya dipanggil untuk ditemuduga kelak.
6. Pihak lembaga ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemohon yang didapati melakukan kesalahan memalsukan dokumen.

**TARIKH PERMOHONAN BERMULA 20 OGOS 2025 SEHINGGA 31 OGOS 2025, JAM 11.59
MALAM**